

MAJLIS MENGHARGAI WARGA RKAT KELAS G INSMAT TUDM KINRARA



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/3378-majlis-menghargai-warga-rkat-kelas-g-insmat-tudm-kinrara

KINRARA, 14 Apr 18 - AKS Materiel, Brig Jen Dato' Dr Mohd Yunus bin Masjuki TUDM dan isteri Datin Nor Lizah binti Wagiyo meluangkan masa menghadiri Majlis Menghargai Warga RKAT Kelas G INSMAT TUDM Kinrara yang telah menjadi juara dalam Pertandingan RKAT LLP TUDM tahun 2017.

Melalui ucapan AKS Materiel, beliau mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kecemerlangan yang telah ditunjukkan oleh warga RKAT TUDM Kinrara. Beliau juga menyarankan agar pihak INSMAT meningkatkan daya saing supaya dapat menempatkan diri sebagai unit yang berpeluang cerah merangkul kejuaraan Pertandingan RKAT Terbaik pada masa akan datang. Pegawai Memerintah INSMAT kemudian menyampaikan Sijil Kepujian kepada Ketua Blok RKAT Kelas G di atas kejayaan yang dicapai.

Majlis ini turut diselitkan dengan upacara penyampaian sijil penghargaan dan hadiah kepada 7 orang anak-anak pegawai dan anggota oleh Datin Norlizah binti Wagiyo kerana telah memperkenan kecemerlangan dalam peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM pada tahun 2017 yang telah disampaikan oleh Datin Nor Lizah binti Wagiyo.

Selain itu juga, turut diadakan adalah penyampaian sumbangan kepada pegawai dan anggota INSMAT yang menyambut kelahiran cahaya mata. Upacara tersebut pula telah disempurnakan oleh Pengurus BAKAT INSMAT, Puan Norliya binti Ngah.



